



WAKIL Honeywell, Safe Kids Malaysia dan JBPM bergambar bersama murid sekolah yang terabit dengan program berkenaan.

CEGAH NAHAS BERKAITAN API

Program Safe Kids at Home fokus 5 isu kritikal

Hajahfarhana Tarmudi
hajahfarhana@hmetro.com.my

Menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia, setiap tahun dianggarkan 265,000 kematian kanak-kanak di seluruh dunia berkaitan api dengan majoriti daripada mereka tinggal di negara berpendapatan rendah dan sederhana.

Lebih separuh daripada kematian berlaku di rantau Asia Tenggara termasuk Malaysia dan dilaporkan seorang kanak-kanak mati setiap dua minggu disebabkan api atau kebakaran lain.

Memahami kepentingan meningkatkan kesedaran mengenai isu kesihatan global itu, Safe Kids Malaysia Universiti Putra Malaysia (UPM), Safe Kids Worldwide dan Honeywell melancarkan program Safe Kids at Home.

Program berkenaan diwujudkan untuk membantu mencegah kecederaan disebabkan api, kebakaran dan melecir dalam kalangan kanak-kanak berusia tujuh hingga 12 tahun.

Naib Canselor UPM Profesor Datin Paduka Dr Aini Ideris berkata, sebagai sebuah universiti yang teratas dalam kajian di Malaysia, pihaknya



DR Aini (tiga dari kiri) dan Halimah (empat dari kiri) bersama wakil pihak terabit dalam kerjasama program berkenaan menunjukkan buku panduan Safe Kids at Home.

berbangga bekerjasama dengan dua organisasi global, Safe Kids Worldwide dan Honeywell.

"Tambahan pula, kami sangat mengalu-alukan kerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dalam meneruskan pembabitkan pihak kami untuk berusaha

memberi kesan positif jangka panjang kepada masyarakat," katanya.

Hadir sama pada majlis perasmian, Pengarah Eksekutif Safe Kids Malaysia UPM Profesor Madya Dr Kulanthayan KC Mani, Presiden Honeywell ASEAN Briand Greer, Pengarah Global Corporate

Citizenship Honeywell Hometown Solutions Kerry Kennedy dan Pengarah Program Safe Kids Worldwide Tareka Wheeler.

Program yang disokong oleh syarikat korporat, Honeywell Hometown Solutions itu memberi fokus kepada lima isu kritikal termasuk keselamatan

keluarga dan perlindungan; sains dan matematik; perumahan dan tempat perlindungan; habitat dan pemuliharaan serta kemanusiaan.

Program berkenaan dibangunkan berdasarkan penemuan hasil kaji selidik pada 2016 yang dijalankan oleh Safe Kids Malaysia dan

UPM.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique merasmikan kajian terbaru itu mengenai 'Sejauh Mana Keselamatan Rumah Anda? Melindungi Kanak-kanak daripada Api, Kebakaran dan Melecir'.

Kajian berkenaan mendapati:

1. Lebih separuh (54 peratus) daripada ibu bapa melaporkan anak mereka menderita akibat cedera terbakar atau melecir, dua tahun lalu.
2. 51 peratus ibu bapa berasa bimbang anak mereka cenderung untuk mengalami cedera terbakar atau melecir.
3. Hanya seorang daripada tiga ibu bapa mengajar anak mereka mengenai keselamatan kebakaran secara konsisten.
4. 11 peratus ibu bapa melaporkan sekolah kerap mengajar mengenai pendidikan keselamatan kebakaran.
5. Lebih 80 peratus ibu bapa menyatakan mereka menggunakan ubat gigi sebagai ubat, yang sebenarnya akan memburukkan kecederaan.